

VISI

Unit Rekod Perubatan dan Informatik Hospital Labuan berfungsi sebagai Pusat Sumber untuk memenuhi keperluan perancangan, pelaksanaan, pengawasan dan penilaian rancangan, perkhidmatan dan program hospital dan Kementerian Kesihatan

MISI

Ke arah menyediakan maklumat hospital yang berkualiti dengan menggunakan teknologi bersesuaian untuk kegunaan semua peringkat dengan cepat, tepat dan berkesan.

NILAI

Kualiti, Profesional, Kerja Berkumpulan dan memberi perkhidmatan penyayang.

PERMOHONAN DAFTAR LEWAT KELAHIRAN

Permohonan di buat di Kaunter Unit Rekod Perubatan atau Melalui Pos.

Dokumen yang diperlukan;

1. **Borang** Permohonan Daftar Kelahiran dari Jabatan Pendaftaran.
2. **Salinan Kad Pengenalan /Passport** Ibu dan Bapa.
3. **Salinan Kad Rawatan Ibu Mengandung/Kad Rawatan Anak.**

JENIS LAPORAN PERUBATAN

1. Laporan Perubatan Biasa
2. Laporan Perubatan Pakar (Ringkas)
3. Laporan Perubatan Pakar (Terperinci)
4. Laporan Bedah Siasat
5. Laporan Perubatan PERKESO (PKS 6)
6. Laporan Perubatan (Borang Insuran)
7. SPIKPA
8. Laporan Perubatan (KWSP 9A) dan sebagainya.

CARA MEMOHON LAPORAN PERUBATAN MELALUI POS

1. **Surat Permohonan**
2. **Borang** yang berkaitan, misalnya borang insuran, Buruh90, PERKESO dan sebagainya.
3. **Bayaran** dalam bentuk Cek/ Kiriman Wang Pos/ hendaklah ditulis atas nama **PENGARAH HOSPITAL LABUAN**. Sila rujuk jadual pembayaran.
4. **Kad Rawatan Pesakit**
5. **Surat kebenaran** daripada pesakit memberi keizinan kepada pihak Hospital untuk mengeluarkan laporan perubatan.
6. **Surat Kebenaran kepada wakil** untuk mengambil/menerima laporan perubatan yang telah siap sekiranya penerima laporan bukan pesakit.
7. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:
**Pengarah Hospital
Hospital Labuan
Peti Surat 81006
87020 W.P. Labuan**

CARA MEMOHON LAPORAN PERUBATAN DI KAUNTER

1. Pemohon /wakil perlu hadir di Unit Rekod.
2. Dokumen yang perlu dibawa bersama;
 - i. **Surat permohonan** sekiranya ada.
 - ii. **Borang** berkaitan misalnya borang insuran, PERKESO, dsbnya.
 - iii. **Kad rawatan pesakit.**
 - iv. **Bayaran.** Sila rujuk jadual bayaran.
 - v. **Surat Kebenaran** daripada pesakit memberi keizinan kepada pihak hospital Labuan untuk mengeluarkan laporan Perubatan.
3. Permohonan laporan perubatan oleh waris terdekat bagi **warganegara yang meninggal dunia** hendaklah disertakan sijil kematian /pengkebumian. Jika pemohon mewakili waris terdekat, mestilah membawa surat kebenaran dari waris tersebut dan salinan sijil kematian/pengkebumian.
4. Permohonan laporan perubatan bagi yang **bukan warganegara yang meninggal dunia** mestilah disertakan surat kebenaran dari waris terdekat. Pemohon juga perlu mendapatkan surat akuan sumpah dari Pesuruhjaya Sumpah. Sekiranya tiada waris atau waris tidak dapat dikesan, surat pengesahan dari Kedutaan dan surat akuan sumpah dari Pesuruhjaya Sumpah diperlukan.
5. Surat kebenaran mestilah mempunyai ayat tambahan ini di perenggan terakhir sebelum ditandatangani. "Saya dengan ini melepaskan Hospital Labuan dan kakitangannya daripada semua tanggungjawab undang-undang yang mungkin timbul akibat daripada kebenaran ini".
6. Surat kebenaran dalam bentuk fotostat, email atau melalui faks **tidak** akan diterima.